



BULETIN NADI HAYAT



Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

Badan Redaksi Nadi Hayat
Chan Yen Mii
David Dominicus
Jack Richie Lee
Jessica Yampai
Lynceia Bonar
Bartholemew G. Lee
Normie E. Surin
Clarice Jariman
Ag. Ramlan Ag. Murshid
Nooraini Armando
Fredolin Andrew Sipail
Ricaldo Geonan Majutin



Majlis APC 2021 & Jasamu Dikenang 2022

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah anugerah yang diberikan kepada seseorang anggota bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan kerana kualiti sumbangannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Penghargaan ini juga bertujuan menjadikan anggota berkenaan sebagai contoh dan daya penarik kepada lain-lain anggota untuk sama-sama meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi. Sesuai dengan pengiktirafan ini, satu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 dan Jasamu Dikenang 2022 telah diadakan pada 28 September 2022 di Dewan Kinabalu, Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Abdul Kahar Abdul Asis, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) Sabah. Seramai 28 anggota yang telah menerima APC dan 5 anggota pesara bagi tahun 2022. Turut hadir bersama YBrs. Dr. Clarence D. Sirisani, Tn. Hj. Tasim Hj. Taim dan Matron Jupina Jahan.

Penerima APC 2021

1. En. Hosana Christyon
2. Dr. Hilary Sunggin
3. Dr. Maegyvear Pimid
4. Pn. Maurine Sarabun
5. Pn. Fazlia Jamali
6. Pn. Noor Azidah Andrew
7. En. Marconi Balanga
8. Pn. Riane Wil
9. Pn. Ellsey Jashrin
10. Pn. Ramnah Durasit
11. Pn. Airin Luaran
12. En. Asrulazwan M. Azhar
13. Pn. Lenny Kinteu
14. Pn. June Christine

15. Pn. Sue Ann Jimer
16. Pn. Amelda Mahai
17. Pn. Winnie Jerus
18. Pn. DK Norazizah Pg. Omar
19. En. Yusilin Abidin
20. Pn. Nuriah Abd. Rahim
21. En. Asran Resun
22. En. Norbah Kahar
23. Pn. Rusyati Jumat
24. Pn. Suhartini Mohd. Said
25. En. Zaini Ahmad
26. Pn. Hassanah Mahmut
27. Pn. Kamisah Matsah
28. En. Ahmad Tuh

Pesara 2022

1. YBhg. Datuk Dr. G. Mohan a/I A. Gopal Naidoo
2. Pn. Maurine Sarabun
3. Pn. Lipah @ Latifah Lingos
4. En. Norbah Kahar
5. En. Au Ping Shang



Kod QR Buku Program Majlis

Persijilan Kualiti Hospital Tuaran



PENTAULIAHAN CHAMPION EKSA SEKTOR SABAH

Sempena Program Inovasi dan Kreativiti Sektor Awam Sabah Tahun 2022: Simposium Pemantapan EKSA, Pn. Noor Azidah Andrew dan Pn. Airin Luaran telah ditauliahkan sebagai Champion EKSA Sektor Awam Sabah pada 27 September 2022. Tahniah diucapkan. Sesungguhnya ini adalah satu penghargaan kepada Hospital Tuaran.



HOSPITAL TUARAN

Peti Surat 996, 89207 Tuaran, Sabah
088-788224 / 088-797100
088-788167
http://htuaran.moh.gov.my
@hospitaltuaran

LAWATAN RASMI DAN AUDIT DARIPADA JKN SABAH / KKM

Hospital Tuaran sentiasa memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah di tahap yang terbaik kepada pesakit dan orang awam. Penilaian dan pengukuran prestasi ini dapat dilakukan dengan lawatan kerja sama ada berkala atau secara *ad hoc* daripada Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Lawatan-lawatan ini secara tidak langsung dapat memberi semangat dan dorongan kepada semua staf untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik. Beberapa lawatan telah diadakan ke Hospital Tuaran yang bukan sahaja melihat kepada perkhidmatan malah infrastruktur yang disediakan oleh hospital.



1. Persediaan Pensijilan Akreditasi - 05 Julai 2022
2. Ketua Jururawat KKM 05 Julai 2022
3. Audit Klinikal PPP 16 Ogos 2022
4. Lawatan Pakar Nefro KKM 17 Sept 2022

Jom EKSA
KEMAS PEJABAT
 Di setiap zon dan ruang pejabat masing-masing 5 minit sebelum pulang
 sentiasa amalkan persekitaran yang kondusif & bersih

EKSAHTRN-1/2022
12.08.2022

Jawatankuasa EKSA Hospital Tuaran
Terbitan : PROMOSIEKSAHTRN

KENALI BAHASA TEMPATAN
MELAYU - KADAZAN - BAJAU - INGERIS

**Semoga cepat sembuh.
 Ohidas noh tosisikap.
 Mudah-mudahan lingau kau siat.
 Get well soon.**

PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR		
BULAN	JUMLAH (PURATA)	
JULAI	6,766	
OGOS	10,966	9,059
SEPTEMBER	9,444	
JUMLAH	27,176	

TOKOH BULANAN 2022

JULAI	OGOS	SEPTEMBER
 Siti Norajiah Taip Bekalan Bahan Steril	 Liwah Sondihan Patologi	 Mariana Syuryani Jumat Pengurusan

BILANGAN IBU BERSALIN		
BULAN	JUMLAH	
JULAI	84	
OGOS	99	269
SEPTEMBER	86	

KEMPEN DERMA DARAH		
BULAN	LOKASI	DARAH
JULAI	5	150
OGOS	4	78
SEPTEMBER	6	184
JUMLAH	15	412

PINT

Sumber: En. Suddy Amin, PT, Unit Rekod Perubatan

Sumber: Umi Nadia Natasya, Pegawai Seranta, Unit Transfusi Darah

BANCIAN PESAKIT DALAM			
WAD (KATIL)	JULAI	OGOS	SEPTEMBER
PEREMPUAN (20)	110.48%	110.48%	107.33%
LELAKI (20)	93.55%	107.10%	104.17%
BERSALIN (16)	60.28%	70.97%	56.46%
PEDIATRIK (26)	78.41%	86.10%	87.18%

Sumber: En. Irwandi Abdullah, PPT, Unit Rekod Perubatan

The hardest thing is to take less when you can get more.
Kin Hubbard

AKTIVITI KAWALAN INFEKSI 2022

Hospital menempatkan sejumlah pesakit yang mempunyai sistem imun yang lemah. Petugas kesihatan bergerak dari pesakit ke pesakit sekali gus menyediakan ruang kepada patogen untuk tersebar. Jangkitan Berkaitan Penjagaan Kesihatan (HCAI) adalah jangkitan yang di perolehi oleh pesakit atau petugas kesihatan selepas 48 jam berada di hospital. HCAI adalah satu masalah yang amat serius, jika tindakan atau pencegahan tidak ditangani segera. Ia bukan sahaja mampu mengakibatkan kesengsaraan dan kematian kepada pesakit tetapi sekali gus meningkatkan kos hospital dari segi kakitangan dan peralatan serta ubatan. Unit Kawalan Infeksi selaku unit yang memantau perkara ini telah mengadakan beberapa aktiviti untuk memberi kesedaran dan amalan bukan sahaja kepada petugas kesihatan tetapi juga kepada orang awam. Unit ini dikendalikan oleh seorang Pegawai Perubatan, Dr. Faiz Moideen, Jururawat Terlatih, Pn. Farisah Suidi dan dibantu oleh Pembantu Perawatan Kesihatan, En. Harajih Abdul Gani serta *link nurse/personnel* setiap unit klinikal.



**MINGGU KAWALAN INFEKSI
16 - 18 OGOS 2022**



**KURSUS ICLN / ICLP
24 OGOS 2022**



**BENGGEL TERMINAL CLEANING
29 SEPTEMBER 2022**

MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU 2022

Penyusuan susu ibu adalah merupakan satu-satunya makanan kepada bayi dari lahir sehingga berumur enam bulan. Makanan pelengkap dimulakan pada usia bayi berumur enam bulan. Sehubungan itu, promosi penyusuan susu ibu merupakan salah satu aspek penting dalam konteks pemakanan bayi dan kanak-kanak serta dalam mempromosikan penyusuan susu ibu. Hospital Tuaran melalui Ahli Kumpulan Sokongan Susu Ibu (AKSSI) telah mengadakan Minggu Penyusuan Susu Ibu (MPSI) Sedunia peringkat Hospital Tuaran pada 1 - 5 Ogos 2022. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan termasuklah pameran, kuiz dan pertandingan membuat model payudara. Perasmian Penutupan MPSI telah diadakan pada 5 Ogos 2022 dan dirasmikan oleh Pengerusi AKSSI Tuaran, YBhg. Datin Malianah Ugau. Turut hadir bersama YBrsh. Dr. Clarence D. Sirisani, Dr. Viphavadi Boon, Matron Hayati Saidal serta kumpulan AKSSI Tuaran.



MINGGU KESEDARAN PENDERMAAN ORGAN 2022

Pendermaan organ adalah proses mendermakan bahagian tubuh badan seseorang untuk transplan selepas dia meninggal dunia. Dengan cara ini, maka kehidupan penerima organ atau tisu itu akan menjadi lebih selesa dan sempurna serta nyawanya akan terselamat. Pendermaan organ dan tisu adalah satu amalan kemanusiaan yang mulia. Dalam mempromosi amalan mulia ini, Hospital Tuaran melalui Jawatankuasa Derma Organ telah mengadakan Minggu Kesedaran Pendermaan Organ 2022 pada 23 -25 Ogos 2022. Beberapa aktiviti dijalankan seperti pameran dan pertandingan melukis organ dan tisu yang boleh didermakan. Penutupan program ini diadakan pada 29 Ogos 2022 yang disempurnakan oleh YBrsh. Dr. Clarence D. Sirisani.



JASAMU DIKENANG

En. Norbah Kahar - 31 Julai 2022

Dr. Lau Kian Weng - 9 September 2022

Dr. Prins Bonaventure - 29 September 2022

HOSPITAL TUARAN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN SELAMAT MAJU JAYA!



ALBUM HOSPITAL TUARAN



Latihan Bencana
03 Julai 2022



Perhimpunan Pagi Ogos
24 Ogos 2022



Program Korban PERKIPS Tuaran
11 Julai 2022



Penerimaan Aset Pinjaman Wad Pediatrik
30 Ogos 2022



Latihan Ekstraksi Mangsa Kemalangan
bersama APMM Tuaran
24 Julai 2022



Sumbangan kepada pesakit daripada
YABhg DSP Hjh. Juliah Salag
06 September 2022



Perhimpunan Pagi Julai
27 Julai 2022



Lawatan Kerjasama bersama UMS
09 September 2022



Latihan Kebakaran
28 Julai 2022



Perhimpunan Pagi September
15 September 2022